



**PERMASALAHAN DAN PENGGUNAAN INTERNET DI  
KALANGAN GURU**

**SATU KAJIAN KES DI SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN TUN ABANG HAJI OPENG, KUCHING,  
SARAWAK**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**ZAMRIE BIN BUJANG**

**99179598**

**IS223**

**FAKULTI PENGAJIAN MAKLUMAT  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**MEI 2003**

**Permasalahan dan Penggunaan Internet Di Kalangan Guru: Satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Abang Haji Openg, Kuching, Sarawak.**

**IS 223 Semester 06 (November – April 2003) UiTM Shah Alam.**

**Abstrak :**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti kajian permasalahan dan penggunaan Internet di kalangan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Abang Haji Openg, Kuching, Sarawak. Seramai 30 responden telah dipilih daripada jumlah keseluruhan guru yang mengajar di sekolah tersebut. Responden yang terlibat dalam menjayakan kajian ini adalah adalah guru yang mengajar pada sesi pagi yang melibatkan Tingkatan Tiga (3) sehingga Tingkatan Enam (6). Hasil daripada kajian yang dilakukan mendapati bahawa kesemua responden mempunyai pengetahuan asas dalam melayari Internet. Lantaran itu, hasil daripada kajian yang dilakukan selama 3 bulan ini, penyelidik mendapati kesemua guru yang mengajar di sekolah tersebut menggunakan Internet untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, dengan adanya kajian yang telah dilakukan ini, adalah amat di harap pihak pentadbiran sekolah dan pihak yang tertentu akan dapat membantu dalam mempertingkatkan kemahiran para guru menggunakan sumber-sumber maklumat yang telah sedia ada dan dapat digunakan untuk memajukan anak bangsa pada masa akan datang kelak. Dengan adanya kesedaran terhadap kepentingan maklumat ataupun literasi maklumat, para guru akan lebih bersedia untuk menjadi tenaga pengajar yang berkebolehan agar setiap ilmu yang dicurahkan kepada anak murid mereka akan dapat dimanipulasikan dengan lebih efisien.

# PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Puji dan syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan inayahnya dapat juga saya menyiapkan kajian ilmiah ini dengan jaya, walaupun sebelum dan semasa mencari, mengumpul dan menganalisa maklumat, terdapat sedikit masalah, namun berkat kesabaran dan kekuatan diri akhirnya usaha murni ini terlaksana jua.

Selawat dan salam ditujukan khas kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. sekeluarga, para sahabat serta umatnya.

Kesungguhan dan sokongan yang berterusan merupakan paduan asas kepada kejayaan dalam menghasilkan apa-apa jua bentuk penulisan . Titik tolak daripada itu, kesungguhan adalah satu anjakan dalaman yang lahir dalam diri seseorang individu, manakala sokongan adalah bantuan moral yang mampu merangsang kekuatan dalaman seseorang individu.

Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pn. Halida Yu selaku penyelia pensyarah yang terlalu banyak memberi tunjuk ajar serta teguran yang membina dalam menghasilkan kajian ilmiah ini. Tidak

# ISI KANDUNGAN

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Penghargaan	i
	Isi kandungan	ii
<b>BAB SATU ( PENGENALAN )</b>		
1.1	Pengenalan Kajian	1 - 2
1.2	Latarbelakang Kajian	3 - 5
1.3	Permasalahan	5 - 7
1.4	Definisi Istilah	7 - 8
1.5	Tujuan Penyelidikan	8 - 9
1.6	Kepentingan Penyelidikan	10
1.7	Batasan Penyelidikan	11 - 12
1.8	Hipotesis	12 - 13
<b>BAB DUA ( TINJAUAN LITERATUR )</b>		
2.1	Apa Itu Internet	14 - 15
2.2	Kepentingan Internet Dalam Penyelidikan	15 - 17
2.3	Penggunaan Internet Di Kalangan Guru	18 - 19
2.4	Kepentingan Internet Untuk Guru	20 - 22
2.5	Penggunaan Laman Web Di Kalangan Guru	22 - 24
<b>BAB TIGA ( KAEDAH PENYELIDIKAN )</b>		
3.1	Pengenalan	25
3.2	Kaedah Penyelidikan	25



# **BAB 1**

## **Pengenalan**

### **1.1 Pengenalan Kajian**

Dalam era maklumat dan Teknologi Maklumat (ICT), kini berlaku beberapa perubahan dan inovasi dalam bidang pendidikan. Paradigma pembelajaran berlaku akibat inovasi-inovasi proses mengakses maklumat dan penyampaiannya di sekolah, kolej, maktab dan universiti. Institusi –institusi pendidikan bukan lagi merupakan pengedar tunggal pengetahuan. Proses pembelajaran tidak lagi di batasi oleh ruang dan masa. Persekitaran pembelajaran elektronik ini adalah berlandaskan kepada penggunaan Internet.

Persekitaran pembelajaran elektronik lebih merupakan penyampaian latihan atau pendidikan melalui Internet. Ini akan membolehkan sesuatu organisasi menggunakan kesempatan ini sepenuhnya untuk menggunakan kemudahan sedia ada seperti teknologi dan rangkaian komputer. Pembelajaran elektronik ini boleh sampai secara terus kepada komputer pelajar apabila dan di mana diperlukan. Dalam era teknologi penggunaannya semakin tersebar dan kini sebahagian besar golongan pendidik menggunakan Internet untuk berkomunikasi dan berkongsi maklumat.